



## UPM Bolot Anugerah Olahragawan dan Olahragawati MASUM 2008



Atlet, Robani (kanan) dan Roslinda (kiri) bergambar selepas dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati pada Majlis Anugerah Sukan MASUM 2008 yang diadakan di Kuantan baru-baru ini.

**KUANTAN, 4 April** – Dua atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) membolot anugerah sukan Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2008 dengan menewaskan empat calon akhir setiap kategori baru-baru ini.

Robani Hassan, atlet 110 meter lompat berpagar dinobatkan sebagai olahragawan dan Roslinda Samsu, atlet lompat bergalah terpilih sebagai olahragawati berdasarkan pencapaian cemerlang sepanjang 2008.

Pegawai Kanan Belia dan Sukan UPM, Zaharah Abdullah berkata kemenangan atlet UPM tersebut sudah dijangkakan kerana kecermerlangan mereka dalam sukan MASUM dan mewakili negara beberapa kali.

"Pemilihan atlet untuk menerima anugerah Sukan MASUM 2008 berdasarkan kegiatan dan penglibatan cemerlang mereka mewakili universiti dan negara," katanya.

Lain-lain anugerah MASUM yang dimenangi UPM ialah Atlet Terbaik Universiti kategori lelaki dan perempuan, masing-masing Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil melalui acara hoki dan Nur Syakirah Yeoh melalui acara tenpin boling.

Atlet manahan UPM, Cheng Chu Sian juga turut memenangi Anugerah Khas MASUM.

Sebanyak 12 kategori anugerah telah dipertandingkan pada MASUM 2008 yang diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Roslinda berharap anugerah yang dimenanginya dapat menyuntik semangat beliau bagi menghadapi Kejohanan Terbuka Thailand yang akan diadakan pada 26 April depan.

"Semoga anugerah ini dapat menjadi pemangkin kepada kecermerlangan dalam perlawanan yang seterusnya tidak lama lagi," katanya yang berharap dapat membuat rekod baru dengan memecah rekod lama ketinggian 4.4 meter pada tahun 2007 tidak lama lagi.

Sementara itu Robani berkata anugerah MASUM kali ketiga yang diterimanya merupakan yang terakhir kerana pada tahun depan beliau akan menamatkan pengajian dan sekali gus tidak berpeluang untuk dicalonkan lagi.

Pemenang anugerah Olahragawan dan Olahragawati menerima wang tunai RM3,000, piala pusingan, sijil, trofi dan blazer penghargaan MASUM sementara bagi kategori lain, pemenang membawa pulang trofi dan sijil kesemuanya disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Muhammad Safian Ismail.

12 kategori anugerah yang dipertandingkan termasuk Anugerah Olahragawan, Olahragawati, Bintang Harapan (Lelaki dan Wanita), Pasukan Terbaik (Lelaki dan Wanita), Pengurus Pasukan Terbaik, Tokoh Sukan MASUM, Atlet Terbaik (Lelaki dan Wanita), Anugerah Sekkalung Budi dan Anugerah Khas MASUM.



Atlet-atlet UPM, Tengku Ahmad Tajuddin (dua dari kanan), Roslinda, Robani dan Cheng meraih pencapaian mereka bersama-sama staf Pusat Sukan UPM yang sentiasa memberi sokongan padu kepada mereka.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.